

Sejam saja penyelam kutip 40kg sampah dari dasar laut

HK 11/09/23 mls 8

Jerti: Sebanyak 100 kilogram (kg) sampah dikutip dari dasar laut dan pantai oleh sukarelawan termasuk penyelam skuba menerusi program *PADI Aware Dive Against Debris* di kawasan Pulau Perhentian, dekat sini, kelmarin.

Penasihat program itu, Datuk Zuraidah Atan berkata, jumlah itu termasuk 40kg pelbagai jenis sampah dikutip di kawasan terumbu karang dasar laut oleh 20 penyelam skuba dalam tempoh satu jam.

"Botol plastik, tali, kasut, selipar antara paling banyak dikutip di dasar kawasan terumbu karang se-

dalam 10 meter dan ada banyak lagi belum dikutip.

"Antara sampah banyak dikutip di tepi pantai ialah puntung rokok, botol plastik dan tin minuman," katanya selepas program itu.

Beliau berkata, program membabitkan 100 sukarelawan termasuk penyelam skuba profesional itu di anjurkan bersama Yayasan Salam Malaysia dan *Black Eye Scuba Team* menerusi *Sea Daddy Diver Services*.

Menurut Zuraidah semua sampah dikumpul, diukur, diasing dan ditimbang serta direkod mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Per-

satuan Jurulatih Selaman Profesional (PADI).

"Data diperoleh diserahkan kepada Pangkalan Data Gobal PADI dan jabatan atau agensi kerajaan seperti Jabatan Perikanan untuk penyelidikan," katanya.

Beliau berkata, program yang mendapat sokongan daripada pelbagai agensi termasuk kerajaan negeri dan pusat itu dilaksanakan bagi memupuk semangat menjaga alam sekitar khususnya pemuliharaan laut dan kebersihan pantai selaras dengan slogan Menjaga Pantai dan Laut Bersih, Budaya Mulia, Amalan Kita.



PESERTA mengutip sampah sempena Program Sukarelawan PADI Aware Dive Against Debris dan Aktiviti Pembersihan Pantai di Pasir Panjang, Pulau Perhentian.